

Mangsa rogol berjaya lari selepas dikurung 12 hari

Polis tahan empat lelaki, masih buru tiga lagi suspek

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
irwansha@bharian.com.my

KUANTAN: Seorang gadis menempuh detik menakutkan apabila dikurung selama 12 hari sejak 5 Jun lalu dan dipercayai menjadi mangsa rogol tujuh lelaki di sebuah rumah di taman perumahan Indera Sempurna, di sini.

Difahamkan, mangsa yang berusia 19 tahun berasal dari Pekan, keluar bersama beberapa rakan wanitanya untuk menonton wayang di sebuah pusat beli-belah di sini, sebelum memaklumkan rakan dia mahu pulang sendiri ke rumah kakaknya di taman perumahan itu kira-kira jam 11 malam.

Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Daerah, Deputy Superintendan Kamaruzzaman Jaafar, berkata sebaik rakan

mangsa beredar daripada pusat beli-belah itu, mangsa dihampiri seorang lelaki yang mahu berkenalan dengannya.

Beliau berkata, lelaki terbabit kemudiannya menawarkan diri untuk menghantar mangsa ke rumah kakaknya dengan alasan mahu ke taman perumahan sama

Katanya, mangsa yang termakan pujukan lelaki terbabit kemudian menurutinya suspek yang memaklumkan dia mahu pergi ke rumah abangnya terlebih dulu, sebelum menghantar mangsa pulang ke rumah kakaknya.

"Mangsa kemudian dipelawa masuk ke rumah sewa terbabit yang mulanya disangka rumah abang lelaki terbabit, namun suspek tiba-tiba bertindak mengunci pintu serta mengugut mangsa supaya menurutinya segala ke-

mahuannya jika tidak mahu dicerderakan.

"Bimbang dengan ugutan berkenaan, mangsa mendakwa dirogol lelaki terbabit dan enam rakannya secara bergilir-gilir. Suspek juga mengulangi perbuatan terkutuk terhadap mangsa yang dikurung sepanjang tempoh berkenaan," katanya ditemui di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD), di sini, semalam.

Kamaruzzaman berkata, mangsa yang tidak tahu untuk meminta bantuan sesiapa akhirnya berjaya melarikan diri melalui pintu utama rumah sewa itu yang kebetulan tidak berkunci ketika suspek tidur, kira-kira jam 7 pagi kelmarin,

Beliau berkata, mangsa kemudian menaiki bas untuk pulang ke rumahnya di Pekan sebelum memaklumkan kejadian kepada ibunya yang

menyangka mangsa berada di rumah seorang lagi anaknya di Indera Sempurna.

"Ibu mangsa kemudian membuat laporan polis di IPD Kuantan berhubung kejadian, petang kelmarin. Susulan laporan polis menyebu rumah sewa terbabit dan menahan empat suspek berusia 19 hingga 36 tahun yang bekerja sendiri," katanya.

Kamaruzzaman berkata, polis juga sedang menjejaki tiga lagi suspek dipercayai berada sekitar daerah ini bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan.

Beliau berkata, mangsa dibawa ibunya ke Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), di sini untuk membuat pemeriksaan pagi semalam dan doktor mengesahkan ada kesan koyak di kemaluannya.



“Mangsa dibawa ibunya ke Hospital Tengku Ampuan Afzan, di sini untuk membuat pemeriksaan pagi semalam dan doktor mengesahkan ada kesan koyak di kemaluannya”

Kamaruzzaman Jaafar
Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Daerah Kuantan

Saman Nur Fazura didengar 9 November

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi di sini, semalam menetapkan 9 November ini sebagai tarikh perbicaraan saman RM500,000 yang difailkan oleh pelakon Nur Fazura terhadap sebuah akhbar tabloid dan pemberitanya.

Tarikh itu ditetapkan di dalam kamar oleh Penolong Kanan Pendaftar Nazri Ismail ketika pengurusan kes.

"Kami sudah sediakan semua dokumen yang diperlukan dan bersedia untuk perbicaraan, yang akan didengar oleh Hakim Datuk Balia Yusof Wahi," kata peguam defendan, Shaari Nor, ketika ditemui di luar mahkamah.

Dalam saman yang dikemukakan pada 30 Ogos 2005 itu, Fazura, 26, menamakan Perdana Production House Sdn Bhd, yang juga penerbit *Mingguan Warta Perdana*, sebagai defendan pertama, dan pemberita Haslinda Haslim sebagai defendan kedua. – Bernama